

Usahawan pertanian fokus UPM

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalin kerjasama dengan Agrobank bagi membantu melahirkan usahawan pertanian dalam kalangan graduan institut pengajian tinggi (IPT).

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata kerjasama menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang diterai kedua-dua pihak turut bermatlamat membantu pihak universiti menggalakkan pelajar untuk terus berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

“Agrobank akan me-

“

BANTUAN SEDEMIKIAN SEDIKIT SEBANYAK MERINGANKAN GRADUAN YANG MEMERLUKAN MODAL BAGI MEMULAKAN PERNIAGAAN”

Prof Mohd Fauzi Ramlan,
Naib Canselor UPM

nyediakan bantuan kewangan kepada graduan yang berminat menjadi usahawan pertanian sekali gus membantu membangunkan sektor pertanian negara.

“Bantuan sedemikian sedikit sebanyak meringankan graduan yang memerlukan modal bagi memulakan perniagaan masing-masing,” katanya pada majlis penutup program Inkubasi Usahawantani, di sini, baru-baru ini.

Sinergi lebih baik

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Wan Mohd Fadzmi Wan Othman



Prof Mohd Fauzi (tengah) bersama-sama peserta program **Inkubasi Usahawantani UPM**.

pula berpendapat perkongsian pintar penting dalam usaha untuk mencapai matlamat bersama.

“Kerjasama yang terjalin dengan UPM ialah satu inisiatif penting bagi mewujudkan sinergi yang lebih baik antara pihak akademik dengan industri.

“Kedua-dua pihak berusaha memperkasakan industri pertanian negara

serta memberi lebih peluang kepada golongan muda untuk meneroka peluang kerjaya yang cererlang dalam perniagaan yang berdasarkan pertanian.

Program Inkubasi Usahawantani yang bermula sejak tahun 2012 itu bertujuan untuk melahirkan usahawan dalam kalangan graduan khususnya dalam

bidang pertanian.

Antara modul yang ditawarkan ialah modul tanaman, akuakultur, ternakan, pengurusan perkhidmatan makanan dan ekopelancongan yang berdurasi selama enam bulan.

Setakat ini, seramai 83 graduan inkubasi berjaya dilahirkan melalui program ini.